

20 DEC 1999

Parlimen-Speaker

TUN ZAHIR DIPILIH SEMULA SPEAKER DEWAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Parlimen ke-10 Malaysia yang dibentuk selepas pilihan raya umum bulan lepas mula mengadakan persidangan hari ini dengan urusan pertama memilih semula Tun Mohamed Zahir Ismail sebagai Speaker Dewan bagi penggal kelima.

Terdahulu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan pemilihan semula Zahir dan usul itu disokong oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Zahir mula menjadi Speaker pada 14 Jun 1982.

Ketika persidangan dimulakan dengan Setiausaha bagi Parlimen Datuk Mohamed Salleh Hassan membacakan proklamasi daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin mengenai permulaan sidang Dewan, Datuk Haji Fadzil Nor (PAS-Pendang) bangun mempertikaikan mengenai kesahihan persidangan itu dan meminta supaya mesyuarat ditangguhkan.

"Siapa yang beri nasihat kepada Yang di-Pertua Agong bahawa Parlimen mula bersidang hari ini? Ini perkara serius. Ikut Fasal 40 Perlembagaan Persekutuan, persidangan ini dianggap tidak sah," katanya sambil disokong dengan tepukan meja oleh anggota pembangkang yang kini seramai 45 orang.

Mohamed Salleh kemudian bangun dan berkata mengikut lazimnya, anggota Parlimen hanya boleh mengambil bahagian dalam perbahasan selepas semua anggota mengangkat sumpah jawatan.

Komposisi anggota Parlimen kali ini 148 adalah wakil Barisan Nasional, 27 PAS, 10 DAP, 5 Parti Keadilan dan 3 Parti Bersatu Sabah.

Fadzil yang bangun sekali lagi berkata: "Notis panggilan mesyuarat (Dewan Rakyat) dikeluarkan pada 13 Dis dan pembentukan jemaah menteri pada 14 Dis. Mesyuarat pertama jemaah menteri diadakan pada 15 Dis. Ikut Fasal 40 (1) Perlembagaan, Agong hendaklah bertindak atas nasihat jemaah menteri."

"Pada hemat saya jemaah menteri hanya baru bersidang pada 15 Dis sedangkan notis pemberitahuan persidangan dibuat pada 13 Dis. Persoalannya siapakah yang beri nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong di dalam menitahkan supaya Parlimen bersidang pagi ini?

"Oleh kerana ia melibatkan peruntukan Perlembagaan, ia serius dan persidangan kali ini boleh dianggap tidak sah dan nasihat saya (persidangan) hendaklah dibubarkan," katanya.

Ketika itu, beberapa penyokong kerajaan bangun dan kedengaran kata-kata seperti, "Duduklah, (Lim) Kit Siang (bekas ketua pembangkang di Parlimen) tak ajar habis ke?"

Pada ketika itu kira-kira 10 anggota penyokong kerajaan dan pembangkang bangun memperkatakan sesuatu menjadikan suasana dewan bising dengan suara-suara pekikan sehinggakan apa yang masing-masing nyatakan tidak jelas didengar.

Dalam keadaan kecoh itu Dr Mahathir bangun dan berkata beliau yang menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai tarikh persidangan Parlimen diadakan.

"Bila Parlimen dibubarkan, kerajaan yang sebelumnya menjadi "care taker". Sebagai Perdana Menteri dalam care taker kerajaan, saya berhak beri nasihat kepada Agong. Kita tak perlu tunggu hingga kerajaan baru ditubuh," katanya.

Ketika Mohamed Salleh bangun sekali lagi untuk menyatakan bahawa hanya satu cadangan diterima iaitu daripada Perdana Menteri dalam surat bertarikh 3 Dis yang memberitahu bahawa satu usul akan dikemukakan bagi memilih

Speaker, tidak kurang lima anggota pembangkang bangun memprotes.

Bagaimanapun Mohamed Salleh meneruskan urusan mesyuarat dengan memanggil Dr Mahathir mencadangkan nama Zahir.

Setiausaha kemudian memakaikan songkok dan jubah kepada Zahir yang sebelum itu duduk bersebelahan dengan barisan anggota kabinet.

Sebaik Zahir menduduki kerusi Speaker, beliau cuba menenangkan keadaan panas dalam dewan yang penuh sesak dengan pemerhati, pegawai-pegawai kerajaan dan wartawan itu.

"Biarlah tertib sikit. Kalau begini permulaannya, tak baik untuk masa depan," katanya sambil merujuk kepada beberapa anggota pembangkang yang bangun ingin berkata sesuatu.

Zahir menjelaskan bahawa perjalanan persidangan kali ini adalah sah.

"Saya mintalah mesyuarat ini berjalan ikut peraturan. Yang Berhormat belum boleh cakap selagi belum angkat sumpah," katanya kepada anggota-anggota yang bangun berdebat sebelum itu.

Zahir juga berkata mengikut Perlembagaan Persekutuan, selepas sahaja pilihan raya diadakan, mana-mana anggota Parlimen boleh mencadangkan nama bagi jawatan Speaker.

"Tak semestinya dari kalangan kabinet. Mana-mana anggota boleh cadangkan," katanya.

Persidangan diteruskan dengan malis angkat sumpah jawatan anggota Parlimen yang dimulakan oleh Dr Mahathir.

Pada ketika ini, semua anggota pembangkang keluar dewan sebagai memprotes persidangan hari ini.

Bagaimanapun, mereka masuk semula pada kira-kira pukul 12.15 tengah hari untuk mengangkat sumpah.

-- BERNAMA

NZ RON